

Program Warga Emas bantu jemaah berseorangan

Author

Mekah - Program Warga Emas bukan sahaja membantu jemaah yang berseorangan mendapatkan teman semasa masya'ir, iaitu ketika wukuf di Arafah, bermabit di Mudzaliyah dan melontar di Mina, malah memperlihatkan keprihatinan, warga Tabung Haji (TH).

Program tanggungjawab sosial korporat membantu jemaah yang berusia 65 tahun ke atas ini melibatkan petugas TH serta Petugas Ambilan Musim (PAM) yang bertanggungjawab menjaga dan mengiringi 50 jemaah haji warga emas, terdiri daripada 25 jemaah lelaki dan 25 jemaah wanita.

Pengurus Unit Kaunseling TH, Fauziah Ahmad berkata, jemaah lelaki akan dijaga oleh PAM dan jemaah wanita oleh petugas wanita TH secara bergilir 24 jam sehari, bermula pada 8 Zulhijjah.

“Mereka bukan sahaja membantu jemaah haji yang terpilih untuk menjalankan ibadah, tetapi juga akan menjaga makan minum serta membawa ke bilik air dan menemani mereka sepanjang masa,” katanya kepada media Malaysia semasa proses temuduga saringan pertama 11 jemaah haji, termasuk lima wanita dari Maktab Abraj Al Janadiriyyah, di sini hari ini.

Temuduga itu dikendalikan Pengarah Operasi (Bimbingan), Tengku Aziz Raja Abdullah, Dr. Suhana Muhamad dari unit kesihatan dan kaunselor, Mohd. Noor Ikhram Husin. - Bernama

Sumber: KOSMO